

# Elak amalan tidak sihat

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat Malaysia supaya mengawal diri daripada melakukan amalan-amalan tidak sihat dan bersifat lebih bertanggungjawab untuk mengelakkan mala petaka yang berpunca daripada perbuatan sendiri.

Perdana Menteri berkata, gejala penyalahgunaan dadah, AIDS, kemalangan jalan raya dan kebakaran yang kerap berlaku serta masalah lepak, bangunan runtuh dan pencemaran alam sekitar semuanya berpunca daripada perbuatan sendiri.

Beliau memberitahu, walaupun kerajaan telah menggubal pelbagai undang-undang bagi mencegah kejadian ini namun ia tetap berlaku, malah kian bertambah.

Perdana Menteri menjelaskan, masalah keruntuhan bangunan, kebakaran, pencemaran, kemalangan jalan raya, penyalahgunaan dadah yang berlaku semuanya disebabkan oleh orang yang bukan daripada golongan penjenayah.

“Kita tidak boleh berharap penjenayah akan insaf dan bersyukur tidak akan melakukan jenayah lagi. Tetapi ramai yang

melanggar undang-undang ini bukanlah penjenayah sebenarnya,” kata beliau dalam perutusan Hari Kebangsaan ke-37 melalui Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

“Jika bangunan runtuh, jika air sungai menjadi keruh, jika bukit dan gunung yang indah dicemari, jika kemalangan di jalan raya, jika rumah terbakar atau penyalahgunaan dadah dan AIDS merebak...semuanya adalah kerana perbuatan kita sendiri,” katanya.

■Lihat muka 2

## Elak amalan tidak sihat

Golongan ini menurut Perdana Menteri, tidak menghiraukan undang-undang yang dibuat untuk kebaikan mereka malah melanggar peraturan tanpa mengangap ia perbuatan yang salah.

“Mengenakan hukuman selepas kemalangan tidak memulihkan apa-apa. Yang diperlukan ialah pencegahan yang benar-benar berkesan iaitu yang diusahakan oleh diri sendiri,” katanya.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, jika rakyat membentuk budaya cermat dan tidak gopoh, kemalangan boleh dikurangkan tanpa melibatkan sebarang perbelanjaan.

“Sebenarnya di negara-negara yang mempunyai lebih banyak kenderaan, kemalangan jalan raya tidak sebanyak di Malaysia. Sebabnya ialah rakyat mereka sanggup mengawal diri sendiri,” kata beliau.

Beliau menjelaskan, kebanyakan kemalangan jalan raya yang berlaku di negara ini adalah disebabkan oleh sikap sesetengah rakyat yang tidak mematuhi peraturan jalan raya.

Mengenai pembangunan Malaysia, beliau berkata, tiada sesiapa dapat menafikan negara telah

mencapai kemajuan yang istimewa malah di antara negara-negara membangun, Malaysia sudah jauh maju ke hadapan.

“Kemajuan negara ini sudah sampai ke tahap yang mana agensi-agensi antarabangsa mula menyoal sama ada kita masih boleh diiktiraf sebagai negara membangun atau tidak?” kata beliau.

Perdana Menteri memberitahu, kejayaan Malaysia bukan disebabkan dasar dan tindakan kerajaan semata-mata sebaliknya banyak bergantung kepada sambutan positif rakyat termasuk daripada golongan pemedal, pengurus dan pekerja.

### Kebaratan

“Oleh kerana sambutan, usaha dan sikap positif rakyat terhadap dasar kerajaan, matlamat pembangunan tercapai dan kita yakin dapat maju hingga ke tahap negara maju menjelang tahun 2020,” katanya.

Negara maju yang dimaksudkan dalam Wawasan 2020 jelas beliau, bukanlah bercorak negara kebaratan yang penuh dengan keruntuhan akhlak sebaliknya sebuah negara maju yang lebih bahagia dan terpelihara daripada keruntuhan tamadun.

Bagi pihak kerajaan, Perdana Menteri menyeru rakyat menjadikan tahun ke-38 Malaysia merdeka sebagai tahun menukar sikap terhadap diri sendiri.

“Kerajaan akan membuat apa yang menjadi tanggungjawab kerajaan, tetapi rakyat hendaklah membina budaya yang mengutamakan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat,” kata beliau.

Dr. Mahathir dalam perutusannya juga memberitahu rakyat tidak akan lupa kepada perwira-perwira negara yang telah gugur mempertahankan keselamatan negara dan maruah bangsa.

“Sepertimana mereka (perwira) sanggup mengadakan nyawa untuk kita, kita juga harus membuktikan bahawa kita layak dipertahankan oleh mereka,” kata Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga mengajak rakyat Malaysia bersyukur dengan kemakmuran yang dikecapi oleh negara masa kini sejak merdeka yang ternyata berbeza jika dibandingkan dengan sesetengah negara lain seperti Somalia, Bosnia Herzegovina dan Rwanda.